

Kerjaya Prospek raih kontrak RM488.40 juta projek Pulau Andaman di Pulau Pinang

Jun 23, 2026



KUALA LUMPUR: Kerjaya Prospek Group Bhd (KPGGB) memperoleh kontrak pembinaan bernilai RM488.40 juta di Pulau Pinang daripada Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB), iaitu anak syarikat tidak langsung Eastern & Oriental Bhd (E&O).

KPGGB menerusi makluman kepada Bursa Malaysia memaklumkan bahawa anak syarikat milik penuhnya, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd (KPM), telah menerima surat anugerah (LOA) bagi kontrak berkenaan yang melibatkan pelaksanaan serta penyiapan cadangan pembangunan dua fasa kerja bangunan di Pulau Andaman, Pulau Pinang.

"Kontrak akan bermula pada 1 Julai 2026 dan akan disiapkan dalam tempoh 42 bulan dari tarikh permulaan," katanya.

KPGGB berkata penerimaan kontrak berkenaan dijangka menyediakan aliran pendapatan tambahan kepada kumpulan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Kumpulan itu turut menjelaskan bahawa kontrak berkenaan akan terus meningkatkan serta mengukuhkan tempahan dalam tangan sedia ada kumpulan.

"Kontrak itu tidak akan memberi kesan ke atas modal saham terbitan syarikat tetapi dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan serta aset bersih sesaham kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 2026 hingga 2029," katanya lagi.